



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PERANGKAAN (B.2 / B.2 EB.3)  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PERANGKAAN  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

**1. a) TANGGA GAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Business Administration* / *Ekonomi (Economy)* / *Matematik (Mathematics)* / *Mathematics and Statistics with Management* / *Operation Research* / *Mathematical Science (Operational Research and Computing)* / *Perakaunan (Accounting)* / *Perangkaan (Statistics)* / *Perdagangan dan Kewangan (Business and Finance)* / *Social Science Statistics / Statistics and Economics* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**b) TANGGA GAJI B.2:**

- i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang *Business Administration* / *Ekonomi (Economy)* / *Matematik (Mathematics)* / *Mathematics and Statistics with Management* / *Operation Research* / *Mathematical Science (Operational Research and Computing)* / *Perakaunan (Accounting)* / *Perangkaan (Statistics)* / *Perdagangan dan Kewangan (Business and Finance)* / *Social Science Statistics / Statistics and Economics* atau bidang yang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik sebagai Penolong Pegawai Perangkaan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai satu seksyen di Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik;
2. Melaksanakan pelan kerja seksyen mengikut jadual yang dirancangkan;
3. Mengawasi pelaksanaan tugas dan memastikan kerja yang dirancangkan selesai mengikut tarikh sasaran;
4. Membuat penganalisaan, penyusunan data dan penyediaan laporan bagi bidang perangkaan yang dipertanggungjawabkan;
5. Menjalankan dan melaksanakan pemerosesan data-data banci, kajian dan data pentadbiran;
6. Menyelaraskan tugas-tugas pemeliharaan, pengumpulan dan penyusunan data-data;
7. Memantau perkembangan terkini dalam bidang perangkaan yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa;
8. Menghadiri program latihan yang diaturkan dalam dan luar negeri;
9. Menyediakan laporan perkembangan kerja dalam bidang yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa; dan
10. Melaksanakan dan menerima tugas / arahan daripada Pegawai atasan dari semasa ke semasa.